

# Projek RMK-9 digerak bulan depan - PM

Oleh YULPISMAN ASLI

**KUALA LUMPUR 23 Jun** - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sekali lagi menegaskan kerajaan mempunyai wang yang cukup untuk menjayakan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang akan mula digerakkan bulan depan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan membentangkan projek pembangunan tersebut di Parlimen sekiranya tidak mempunyai kewangan yang cukup.

Sehubungan itu, beliau mempersoalkan niat dan tujuan pihak tertentu yang mengatakan kononnya kerajaan tidak mempunyai wang yang cukup untuk menjayakan projek tersebut sehingga, menimbulkan kebimbangan di kalangan rakyat.

Kita rancang (projek pembangunan RMK-9) bukan hendak seronok-seronok, dan pembongkaran tidak akan membawa kita ke mana-mana serta tidak mendapat sokongan rakyat.

Maka dengan itu, kerajaan mesti melaksanakan apa yang telah dijanjikan," katanya ketika berucap pada Majlis Malam Anugerah Usahawan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini, malam ini.

Turut hadir Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin dan Presiden DPMM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan Anugerah Presiden DPMM kepada Pengerusi Eksekutif MK Land Holdings Berhad, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

Penerima lain ialah Datuk Dr. Zainuddin Md. Wazir bagi Anugerah Usahawan

Inovatif, Datuk Rameli Musa (Anugerah Usahawan-Usahawan Tulen), Amran Ahmad (Anugerah Usahawan Muda), ROzita Ibrahim (Anugerah Usahawan Wanita) dan Noraini Ahmad (Anugerah Warisan).

Menurut Perdana Menteri, sebaik sahaja digerakkan, segala projek RMK-9 akan dijalankan dengan pantas demi memastikan kesinambungan Pembangunan negara mencapai Wawasan 2020.

Justeru, beliau meminta DPMM supaya memainkan peranan aktif bagi membantu kerajaan menjayakan pelaksanaan projek tersebut dan juga usaha menambah bilangan komuniti usahawan bumiputera yang kini berada di tahap kedua.

Menurut Abdullah, kerajaan sendiri telah pun mengambil pendekatan dengan mengutamakan kajian impak atau keberkesanan projek yang dilaksanakan bagi memastikan kejayaannya.

Katanya, Menteri di Jabatan Menteri Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi juga sebelum ini telah mengadakan pertemuan dengan 11 kelompok profesional Melayu yang membentangkan rancangan untuk memajukan usahawan bumiputera.

Malah katanya, UMNO juga telah mewujudkan satu badan pelaksana dan pemantau bagi meneliti pelaksanaan setiap rancangan yang dibuat.

Ini kerana kata beliau, kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan terdapat ketirisan atau kebocoran dalam pelaksanaan projek di bawah rancangan sebelum ini yang hanya merugikan semua pihak, khususnya golongan bumiputera.

"Kita lihat statistik (pemilikan projek bumiputera) elok, tetapi hakikatnya tidak kerana yang menjayakan projek tersebut orang lain," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu kejayaan yang dikecapi oleh bumiputera



**ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan penerima-penerima Anugerah Usahawan DPMM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam.**

sekarang ditingkatkan lagi bagi menghadapi saingan globalisasi.

Katanya, Malaysia perlu berjaya dalam saingan dengan banyak negara lain untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020.

Jelasnya, kejayaan itu boleh dicapai be-

rikutan kejayaan melahirkan ramai usahawan dan profesional bumiputera yang kini turut menjadi 'pemain' di peringkat global.

"Jika kedua-dua golongan ini digabungkan, ia dapat memberi kekuatan yang lebih besar berbanding 20 atau 25 tahun dahulu," ujarnya.